

KEINTELEKTUALAN PEMIKIRAN MELAYU DALAM CERITA LIPUR LARA: PENELITIAN AWAL BERDASARKAN PERSPEKTIF PENDEKATAN PENGURUSAN

(INTELLECTUAL MALAY MINDS IN FOLKLORE: INITIAL INVESTIGATION FROM THE PERSPECTIVE OF MANAGEMENT APPROACH)

MOHAMAD ZUBER ISMAIL^{1*}, SARA BEDEN² DAN MOHAMAD MOKHTAR ABU HASSAN³

¹Kulliyah of Languages and Management, International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur. ²Jabatan Bahasa, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. ³Jabatan Kesusasteraan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

*Corresponding author: mohamadzuber74@gmail.com

Abstrak: Makalah ini akan menekuni unsur pengurusan yang terdapat dalam cerita lipur lara, iaitu *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* berdasarkan Pendekatan Pengurusan iaitu satu pendekatan baharu dalam dunia kritikan sastera di Malaysia. Kajian ini akan menggunakan Prinsip Kepimpinan iaitu salah satu prinsip yang diutarakan di bawah Pendekatan Pengurusan yang telah diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Objektif kajian adalah untuk menganalisis Prinsip Kepimpinan berdasarkan Dimensi Pendidikan. Cerita lipur lara yang terkenal sebagai medium penting dalam penyampaian idea dan gagasan dalam masyarakat Melayu tradisi ternyata memiliki tradisi keilmuan dan keintelektualan yang menjadi teras kepada pembentukan ketamadunan masyarakat pendukungnya. Paparan tradisi keilmuan ini jelas memperlihatkan kekreatifan minda dan keintelektualan pemikiran masyarakat Melayu tradisi yang diekspresikan dalam sastera lisan sebagai khazanah warisan tradisi yang unggul dan agung. Ketinggian dan keagungan tamadun Melayu tidak terletak kepada kehebatan 'bahan' sebaliknya terletak kepada kehebatan dan ketinggian tradisi keilmuannya. Hal ini sangat signifikan dan relevan kerana kecemerlangan pendidikan merupakan mekanisme ampuh dalam usaha meningkatkan kualiti pembangunan modal insan dalam sesebuah organisasi iaitu keluarga, masyarakat dan negara. Keintelektualan pemikiran keilmuan yang dipaparkan dan dipancarkan dalam teks kajian amat signifikan dan relevan untuk memperjelaskan kebijaksanaan dan ketajaman imaginasi serta sensitiviti pengarang dalam melantunkan aspek pengurusan khususnya aspek kepimpinan dalam teks karya sastera tradisional.

Kata kunci: Pendekatan pengurusan, prinsip kepimpinan, dimensi pendidikan, cerita lipur lara.

Abstract: This paper explores the scientific and intellectual traditions of Malay civilization in the folklore story based on a new approach in the world of literary criticism in Malaysia namely Management Approach that has been highlighted by Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Management approach based on the Educational Dimension of the story of the famous folklore as an important medium in the service of ideas and notions in traditional Malay society appears to have the knowledge and intellectual tradition that is integral to the formation of high civilization and excellence. This tradition clearly demonstrates creativity and intellectual minds of the Malay tradition expressed in the narrative text of the review. The importance of Malay civilization to greatness lies not the 'material' contrary to their knowledge of traditional grandeur and height. In summary, this study will show how a literary work can lead the world through narrative dimension of management in education in order to improve the quality of human capital development in the country's administration. In conclusion, the educational perspective displayed very significant to clearly explained the aspects of traditional literary texts thus, this study provides a further contribution to knowledge of literary criticism in Malaysia.

Keywords: Management approach, principles of leadership, dimension of education, folklore.

Pengenalan

Cerita lipur lara merupakan hasil khazanah kesusasteraan Melayu tradisional yang telah terbukti berjaya merakamkan sejarah perkembangan pemikiran, peradaban dan ketamadunan bangsa Melayu. Ismail Hamid (1983), memerihalkan cerita lipur lara sebagai

lantunan gagasan pemikiran minda Melayu yang mengungkap dan memaparkan persoalan falsafah dan pemikiran Melayu yang menyentuh nilai politik dan kepimpinan, akal budi, patriotisme, jati diri, budi bahasa, cinta negara, dan kasih sayang. Kapasiti, integriti dan karisma unggul sumber manusia adalah manifestasi penting

dalam melestarikan dan mencapai matlamat dalam segala aspek kehidupan berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan yang ampuh ke arah kecemerlangan sesebuah bangsa, masyarakat dan negara. Nilai-nilai yang terungkap dalam cerita lipur lara mempunyai pertalian yang rapat dengan tradisi keilmuan, semangat spiritual dan roh kekuatan dan perlengkapan ikhtiar hidup bangsa Melayu. Hal ini amat bertepatan dengan pepatah “*ibarat isi dengan kuku*”. Ternyata, keunggulan dan keagungan cerita lipur lara Melayu telah membawa dan mencetuskan satu fenomena baharu dalam melakarkan wajah dunia kesusasteraan tanah air.

Sorotan Kajian

Cerita lipur lara Melayu merupakan khazanah keintelektualan Melayu yang terus bertapak kukuh dalam dunia kesusasteraan tanah air. Pesona kehebatan dan keunikan cerita lipur lara telah menarik dan memancing minat ramai para sarjana tempatan dan antarabangsa untuk terus mengkaji, meneliti dan meneroka genre Melayu tradisional berbentuk naratif ini. Syed Abdullah Syed Sulaiman (2011), Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2008), Madiawati Mustafa (2012), Madiawati Mustafa & Arbai'e Sujud (2011), Zakaria Osman (1997), Zabidin Ismail (2012), Talib Samat (2012), Mohd. Rosli Saludin (2012) telah menjalankan kajian tentang cerita lipur lara Melayu.

Selain itu, Bazrul Bahaman (2012), Jelani Harun (2012), Abdul Rahman Napih (2012), Mohd. Zamberi Malik (2012), dan Mohamad Shahidan (2012) juga telah menjalankan kajian tentang cerita lipur lara. Malah ramai lagi para pengkaji dan penganalisis sastera tradisional telah mengkaji dan menyelidik pelbagai aspek dan perspektif dalam cerita lipur lara Melayu. Kehebatan cerita lipur lara sebagai satu karya Melayu sememangnya telah menarik minat ramai pengkaji untuk mengkaji dan meneliti cerita lipur lara ini sehinggakan dianggap sebagai satu karya agung dan ulung yang terus-menerus melakar sejarah dalam dunia kesusasteraan tanah air. Cerita lipur lara yang diangkat sebagai karya agung seperti “Hikayat Awang Sulung

Merah Muda”, “Hikayat Malim Deman”, “Hikayat Malim Dewa”, “Hikayat Anggun Cik Tunggal” dan “Hikayat Khoja Maimon” terus mewarnai dan mencetuskan fenomena dalam dunia kritikan sastera tradisional Malaysia.

Pelbagai aspek kajian telah dilakukan terhadap cerita lipur lara, namun kajian berkaitan aspek pengurusan berlandaskan Pendekatan Pengurusan masih lagi terhad. Setakat ini, hanya terdapat tiga (3) kajian berkaitan Pendekatan Pengurusan. Kajian berkaitan Pendekatan Pengurusan dalam karya sastera tradisional boleh diteliti dalam kajian Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Kajian ini mengkaji Pendekatan Pengurusan berlandaskan Prinsip Perancangan dengan membataskan perbincangan dua buah cerita rakyat iaitu “Sang Kancil dan Buaya” dan “Lebai Malang”. Kertas kerja yang sama turut mengupas persoalan pengurusan dalam cerpen yang bertajuk “Di Sebalik Tirai Makna”, hasil karya Awang Said Mokhtar (2013). Kajian tersebut mengetengahkan Pendekatan Pengurusan berdasarkan Prinsip Pengorganisasian dan Prinsip Penstafan.

Selain itu, Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2014), telah menggunakan Pendekatan Pengurusan mengikut pendekatan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) untuk menganalisis teks “Koleksi 366 Cerita Rakyat Melayu” hasil karya Othman Puteh dan Aripin Said. Kajian tersebut menghuraikan Prinsip Perancangan yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat tersebut serta menjelaskan dimensi-dimensi yang diketengahkan di bawah prinsip tersebut dalam teks kajian. Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2014), telah menggunakan Pendekatan Pengurusan berlandaskan Prinsip Kepimpinan dalam teks cerita lipur lara, iaitu “Hikayat Awang Sulung Merah Muda”. Kajian ini telah mengetengahkan dan menjelaskan secara mendalam prinsip kepimpinan yang terdapat dalam struktur penceritaan teks kajian. Kajian ini telah mengklasifikasikan prinsip ini kepada empat dimensi iaitu dimensi pentadbiran, dimensi pendidikan, dimensi tanggungjawab sosial dan

dimensi ekonomi. Secara ringkasnya, dimensi tanggungjawab sosial mendominasi teks kajian ini. Tegasnya, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa satu aspek yang penting iaitu pengurusan telah berjaya diangkat dan dilantunkan oleh pengkaji.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan dua kaedah, iaitu kaedah penyelidikan kepustakaan dan kaedah analisis dokumen atau teks. Kaedah analisis teks dilakukan dengan memilih teks yang sesuai dan melalui proses pembacaan yang teliti bagi mengenal pasti struktur yang relevan dengan dimensi-dimensi di bawah Prinsip Kepimpinan. Penelitian analisis memberi fokus terhadap struktur, iaitu watak dan perwatakan, peristiwa, tema, isu, persoalan, latar dan nilai yang diperinci dan diteliti dari segi tindakan dan pemikiran yang terkandung dalam penceritaan teks "Hikayat Awang Sulung Merah Muda". Seterusnya, data akan dianalisis dan dibincang serta dihuraikan berdasarkan isi kandungan teks.

Kajian ini menggunakan teks "Hikayat Awang Sulung Merah Muda" karya Pawang Ana & Raja Haji Yahya (1998). Kajian ini dibataskan dengan mengkaji satu teks sahaja dengan meneliti keseluruhan isi kandungan dari segi struktur yang relevan dengan Prinsip Kepimpinan. Pendekatan Pengurusan menggariskan lima (5) prinsip sebagai asas untuk mengukur aspek pengurusan dalam sesebuah karya. Kajian ini dibataskan dengan mengaplikasi satu (1) daripada lima (5) prinsip berkenaan, iaitu Prinsip Kepimpinan. Analisis akan dilakukan dengan menganalisis Prinsip Kepimpinan berlandaskan satu dimensi sahaja, iaitu Dimensi Pendidikan. Justeru, perbincangan ini akan meneliti unsur pengurusan khususnya Dimensi Pendidikan yang merupakan salah satu dimensi di bawah Prinsip Kepimpinan dalam cerita lipur lara.

Konsep Pengurusan

Unsur pengurusan merupakan elemen yang tanpa disadari wujud dan hadir dalam karya sastera kerana sastera itu sendiri bersifat

universal dan subjektif. Karya sastera dan unsur pengurusan merupakan perkara yang mempunyai hubungan yang rapat. Justeru, wujudnya persoalan: Apakah benar wujudnya unsur pengurusan dalam karya sastera tradisional ini? Sekiranya, kita berfikir secara kritis dan profesional, keunikan dan signifikan karya sastera sebenarnya boleh dilihat dan diteliti dari pelbagai sudut ilmu dan pendekatan sastera. Justeru, persoalan demi persoalan mula terdetik di fikiran. Persoalan yang ingin diketengahkan; Apakah Pendekatan Pengurusan ini relevan dan signifikan diaplikasikan dalam karya sastera? Apakah pendekatan ini mampu memberi impak positif dan manfaat bagi khalayak?. Bagi menjawab persoalan-persoalan ini, kita perlu menoleh ke belakang dan meneliti sejarah terdahulu pengkajian kesusasteraan. Ada pengkaji yang melihat dari aspek psikologi, sosiologi, keagamaan, falsafah, dan bahasa. Pendekatan ini kemudiannya dikembang dan dimantapkan menjadi sudut kritikan sastera seperti kritikan psikologi, pendekatan falsafah, estetik atau stilistika, dan struktural. Ternyata, pendekatan-pendekatan sebelum ini telah berjaya diperkukuh dan diperkasa sebagai salah satu bidang dalam dunia kritikan sastera. Persoalan yang menjadi dasar dan titik tolak kepada pendekatan kajian itu adalah sudut ilmu bantu yang diguna pakai oleh pengkritik atau pengkaji sebagai landasan kajian dalam penganalisan karya. Justeru, adalah bertepatan untuk meletakkan pendekatan ini sebagai suatu sudut penelitian yang boleh diaplikasi dan diimplementasikan dalam penelitian karya sastera.

Penelitian ini melihat secara lebih mendalam maksud dan definisi pengurusan. Menurut Ensiklopedia Bebas, pengurusan terdiri daripada pengarahan dan pengawalan sebuah kumpulan yang terdiri daripada satu atau lebih orang atau entiti untuk tujuan menyelaraskan dan mengharmonikan kumpulan tersebut untuk mencapai sesuatu matlamat. Pengurusan seringnya merangkumi penggunaan sumber-sumber manusia, kewangan, dan teknologi, serta juga sumber alam semula jadi. Mescon, Albert & Khedouri (1985), menghuraikan pengurusan adalah suatu proses merancang, mengorganisasi,

memimpin dan mengawal kerja-kerja yang dilakukan oleh ahli-ahli dalam sebuah organisasi dan penggunaan sumber-sumber dalam organisasi berkenaan bagi mencapai objektif dan sasaran yang telah ditetapkan oleh organisasi tersebut.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) pula, memerihalkan pengurusan sebagai perbuatan atau hal mengurus sesuatu seperti syarikat, badan perniagaan, organisasi, negara dan sebagainya. Selain itu, Syed Othman Alhabshi (1989), menjelaskan “pengurusan merupakan proses mendapat dan mencantumkan sumber kewangan, modal, tenaga manusia dan sebagainya untuk mencapai matlamat organisasi sama ada dalam bentuk barangan atau perkhidmatan”. Menurut Muhammad Al-Bureay (1991), “pengurusan sebagai menyelaraskan tenaga manusia untuk mencapai matlamat kelompok sebagai makhluk sosial yang perlu berinteraksi antara satu sama lain”. Pandangan Muhammad Al-Bureay (1991) adalah selajur dengan pandangan Koontz & Weihrich (1997:4) yang mengemukakan pandangan bahawa “pengurusan sebagai proses merancang dan memelihara persekitaran apabila individu, bekerja bersama-sama dalam kumpulan, mencapai matlamat terpilih dengan berkesan”.

Berdasarkan takrifan-takrifan di atas, dapat dirumuskan bahawa pengurusan adalah suatu proses atau mekanisme yang dibentuk yang memerlukan perancangan strategik yang kondusif, sistematik dan efisien untuk mencapai objektif dan sasaran sesebuah organisasi. Dalam merealisasikan objektif organisasi, penglibatan dan kerjasama daripada anggota organisasi melalui aspek komunikasi dan interaksi yang berkesan dengan menghindari polemik dan krisis adalah elemen yang penting dan perlu diterapkan untuk mencapai objektif organisasi. Dalam mengimplementasi dan merealisasikan pengurusan terdapat lima (5) prinsip yang dijadikan kriteria dan kayu ukur untuk menilai kecekapan dan keberkesanan sesuatu pengurusan iaitu prinsip perancangan, prinsip kepimpinan, prinsip pengorganisasian, prinsip pengawalan dan prinsip penstafan.

Pendekatan Pengurusan

Pendekatan Pengurusan merupakan satu pendekatan moden yang diketengahkan dalam dunia kritikan sastera di Malaysia oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Beliau menyatakan bahawa dalam konteks kritikan sastera di Malaysia, pendekatan pengurusan belum lagi diterokai secara serius oleh para pengkritik tempatan. Hal ini demikian kerana pengurusan merupakan suatu entiti yang dianggap terasing dan terpinggir dalam dunia sastera. Kemunculan pendekatan pengurusan dalam dunia kesusasteraan Melayu dijangka akan membawa satu aliran pemikiran baharu dan transformasi dalam dunia kritikan sastera tanah air. Justeru, keperluan dan persiapan untuk berhadapan dengan Pendekatan Pengurusan sastera ini perlu dilihat secara positif dan intuitif demi menyokong suatu pendekatan baharu yang diketengahkan dalam dunia kritikan sastera di Malaysia. Pendekatan Pengurusan yang diketengahkan dalam dunia karya sastera dapat membawa satu aliran pemikiran baharu dalam seni kritikan sastera tradisional di Malaysia.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013), menjelaskan Pendekatan Pengurusan dalam karya sastera ialah pendekatan yang meneliti karya sastera dengan mengaplikasikan 5 prinsip-prinsip asas pengurusan iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Penstafan dan Prinsip Pengawalan. Penelitian prinsip-prinsip ini akan diaplikasikan terhadap aspek struktur teks iaitu dari segi watak, perwatakan, nilai, isu, persoalan, latar dan pemikiran yang disarankan dalam pendekatan ini. Pengurusan dalam kajian ini dapat dirumuskan sebagai suatu proses atau mekanisme yang dibentuk yang memerlukan perancangan strategik yang kondusif, sistematik dan efisien untuk mencapai objektif dan sasaran dalam sesebuah organisasi. Pengurusan juga merupakan satu medium dan mekanisme yang dinilai dari perspektif kemampuan dan keupayaan seseorang pemimpin dalam mempengaruhi, menerajui atau mengendalikan sesebuah organisasi iaitu keluarga, masyarakat dan negara. Dalam merealisasikan objektif

organisasi, penglibatan dan kerjasama daripada anggota organisasi melalui aspek komunikasi dan interaksi yang berkesan dengan menghindari polemik dan krisis adalah elemen yang penting dan perlu diterapkan untuk mencapai objektif organisasi.

Secara ringkasnya, dalam mengimplementasi dan merealisasikan pengurusan terdapat lima (5) prinsip yang dijadikan kriteria dan kayu ukur untuk menilai kecekapan dan keberkesanan sesuatu pengurusan iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Penstafan dan Prinsip Pengawalan. Di bawah prinsip-prinsip pengurusan ini, terdapat dimensi-dimensi yang dibentuk yang akan dijadikan kriteria dan asas untuk menjelaskan keberkesanan gaya pengurusan tersebut. Justeru, kajian ini akan memperlihatkan dan memperjelaskan secara lebih terperinci dan kritis Pendekatan Pengurusan berdasarkan satu prinsip sahaja iaitu Prinsip Kepimpinan yang disarankan di bawah pendekatan ini agar dapat memberikan pemahaman yang lebih jelas berkenaan pendekatan ini. Bagi menjelaskan hal tersebut, maka kajian ini akan melakukan pembicaraan awal Prinsip Kepimpinan berdasarkan Pendekatan Pengurusan dalam “Hikayat Awang Sulung Merah Muda” (HASMM) yang bertujuan melihat sejauh mana elemen pengurusan ini dapat ditanggapi dan dikesan dalam karya sastera. Secara ringkasnya, kajian ini akan menganalisis Prinsip Kepimpinan dari perspektif Pendekatan Pengurusan dalam cerita lipur lara, iaitu “Hikayat Awang Sulung Merah Muda”.

Kepimpinan Berdasarkan Pendekatan Pengurusan

Prinsip Kepimpinan merupakan prinsip di bawah Pendekatan Pengurusan seperti yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Kepimpinan mempunyai satu pertalian dan hubungan yang erat dengan pengurusan. Tenas Effendy (2000:1) menyatakan pemimpin itu lazimnya dalam masyarakat timur adalah orang yang dituakan. Orang yang dituakan adalah tokoh yang dipilih dan diangkat oleh puak, kaum, suku, atau bangsanya untuk memegang teraju pemerintahan, atau menjadi

pucuk atau induk dalam kehidupan. Pemimpin dan kepimpinan itu pula adalah dua perkara yang sungguh berbeza. Pemimpin adalah orang yang diberi kedudukan sebagai ketua. Kepimpinan pula adalah pengaruh yang ada dalam kalangan orang yang dipimpinnnya. Kepimpinan atau pengaruh tidak perlu kedudukan atau pangkat ataupun status. Melalui analisis Tenas Effendy (2000) terhadap koleksi pemimpin dalam ungkapan tradisional Melayu Riau, beliau mendapati bahawa terdapat 194 jenis pemimpin. Pemimpin dalam kalangan masyarakat sebelah timur sangat dekat dengan rakyatnya, sangat besar pengaruhnya sebagaimana tercermin dalam ungkapan: *Yang didahulukan selangkah, Yang ditinggikan seranting, Yang dilebihkan serambut, Yang dimuliakan sekuku*. Ungkapan ini jelas menunjukkan bahawa antara pemimpin dengan pengikutnya sangat rapat.

Memetik dari kajian Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad & Nuwairi Khaza'ai (2012), kepemimpinan tidak boleh tidak membicarakan tentang etimologi perkataan kepemimpinan dalam alam Melayu. Menurut Shaharir Mohamad Zain (2010), ‘pimpin’ memberi makna yang berbeza dengan ‘lead’, yang sekali gus membezakan teori kepimpinan rumpun Melayu dan Inggeris. Perkataan pimpin bukan daripada bahasa Sanskrit atau Arab malah tiada dalam senarai Malayu-Indonesia-Sanskrit (de Casparis, 1997). Namun mengikut Sugiarto (1993) dan Tryson (1994), ‘pimpin’ itu adalah daripada perkataan Jawa Sunda (dengan ejaan ‘pingpin’). *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) pula memerihalkan kepimpinan sebagai keupayaan memimpin. Kepimpinan ialah perkataan terbitan daripada kata dasar “pimpin”. Pimpin bererti bimbing, pandu atau tunjuk. Memimpin diberi erti sebagai memegang tangan dan membawa berjalan menuju ke sesuatu tempat. Oleh itu, kepimpinan membawa pengertian “keupayaan memimpin” dan kepemimpinan pula “keupayaan sebagai pemimpin, daya seseorang pemimpin” (Kamus Dewan, 1994). Sebagaimana yang diketahui ramai kata ‘pimpin’ bermakna memegang tangan seseorang seiring dengan yang memegang itu untuk dibawa bersama menuju ke destinasi yang dikehendaki oleh

yang memegang itu sahaja. Sebaliknya, makna kepimpinan pada hari ini adalah lebih luas lagi iaitu satu proses pengaruh, khususnya pengaruh terhadap gelagat dan pemikiran orang lain dan malah pemimpin memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi tinggi atau rendah sesebuah institusi atau organisasi itu.

Kajian oleh Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad & Nuwairi Khaza' ai (2012), dalam kalangan masyarakat Melayu mengatakan bahawa kepemimpinan merupakan satu daripada tiga perkara yang menghayati adat. Oleh sebab itu, di setiap tempat ada pemimpinnya seperti kata bidalan; *Luhak berpenghulu, Rantau beraja, Kampung bertua, Rumah bertunggu, Berjunjung naik, Bertangga naik* (Nordin, 1983: 1). Kelahiran dan kejayaan sesebuah masyarakat acap kali diwarnai oleh kesan kepemimpinan. Sejarah menjadi bukti bagaimana bangsa dan tamadun yang hebat dicorak dan dibentuk oleh pemimpin berjiwa besar, berpandangan jauh dan berani melakukan perubahan. Dalam masyarakat Melayu, pemimpin sememangnya sentiasa dihargai sepertimana tercermin dalam ungkapan:

Elok negeri kerana ada raja
 Elok kampung kerana ada tuanya
 Bila negeri tidak beraja
 Bila kampung tidak berpenghulu
 Bila rumah tidak bertuan
 Angin lalu tempias pun lalu
 Tuah hilang marwah terbuang
 Hidup celaka sengketa datang

Takrifan pemimpin ini dikuatkan lagi oleh kajian Maxwell (2001:27). Kajian beliau dalam kalangan masyarakat orang barat telah menunjukkan bahawa: *Leadership is influence...nothing more, nothing less*. Petikan di atas menunjukkan bahawa pemimpin adalah pengaruh dan tidak lebih dari itu. Pemimpin bukan pangkat atau kedudukan. Pemimpin adalah pengaruh seseorang ke atas orang lain atau masyarakat yang menjadi pengikutnya. Pemimpin di dunia timur seperti di Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, sangat berpengaruh dalam kalangan rakyat jelata. Pemimpin diberi tiga perkara asas dalam

kepimpinannya. Kepercayaan, kekuasaan dan kebebasan. Penyerahan ketiga-tiga unsur di atas dicerminkan dalam ungkapan adat berikut: *'tangannya diberi melenggang, kakinya diberi melangkah, lidahnya diberi berkata.'* Dalam ungkapan orang Melayu menyatakan bahawa pemimpin, di *'ditinggikan seranting, didulukan selangkah'*. Maksud ungkapan di atas, pemimpin dalam konteks Malaysia dihormati dan diutamakan. Pemimpin dipandang tinggi maksudnya apabila bercakap, cakupannya didengari, mukanya dipandang dan ampunnya dicari. Kalau bercakap didahulukan, kalau berjalan mesti di hadapan (Hanipah Hussin, 2004:25). Jikalau pemimpin itu orang yang dituakan dan kepimpinan itu adalah pengaruh, maka peranan pemimpin dalam masyarakat Melayu dapat digambarkan oleh Tenas Affendy (2000) *'didahulukan dapat diraih 'ditinggikan dapat dijangkau dekatnya tidak berjarak, jauhnya tidak berantara'*.

Beralih pula kepada pandangan yang dikemukakan oleh sarjana barat. Mengikut Certo (1997) pula, kepimpinan ialah proses pengarahannya tingkah laku orang lain ke arah penyempurnaan sesuatu objektif. Pengarahan bermaksud seseorang individu bertindak mengikut cara tertentu atau mengikut sesuatu seperti polisi, organisasi, tatacara dan deskripsi kerja. Kepimpinan berhubung rapat dengan pengurusan. Hollander (1978) mentakrifkan kepimpinan pengurusan sebagai satu proses, iaitu seorang individu mempengaruhi orang lain di dalam kumpulannya ke arah mencapai objektif kumpulan atau arah tuju organisasi. Menurut Stodgill dalam Jaafar Muhammad (1991:198), sifat keberkesanan kepimpinan dapat diteliti melalui ranah-ranah pentadbiran, pendidikan, tanggungjawab, penglibatan sosial dan status ekonomi. Jaafar Muhammad (1991:211) berpendapat bahawa pada umumnya pemimpin yang berkesan ialah pemimpin yang mempunyai sifat-sifat kebijaksanaan dan keyakinan diri. Hal ini amat signifikan kerana karisma kepimpinan akan memperlihatkan jatuh bangunnya sesebuah kerajaan yang dipimpin. Kepimpinan juga berhubung erat dengan tingkah laku, iaitu keupayaan mengubah haluan sesuatu organisasi

dan kebolehan memilih kriteria-kriteria tertentu dalam usaha mencapai objektif organisasi. Tingkah laku bermaksud perbuatan, gerak geri, kelakuan sikap, dan perangai manakala kepimpinan bermaksud keupayaan memimpin. Kedua-duanya bergandingan dan bekerjasama bagi memperlihatkan daya kepimpinan yang ada pada seseorang pemimpin. Pemimpin yang berkharisma dan berkaliber boleh memantau orang bawahan agar mengikut kriteria yang dipilih untuk tujuan pembangunan dan kejayaan di samping dapat mempertahankan corak kerja berpasukan yang erat (Cartwright, Zender & Halpin, 1960).

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa kepimpinan merupakan satu mekanisme yang dinilai dari perspektif kemampuan dan keupayaan seseorang pemimpin dalam mempengaruhi, menerajui atau mengendalikan sesebuah organisasi iaitu keluarga, masyarakat dan negara. Kepimpinan yang berkesan akan mengambil kira kecekapan pengurusan dan tingkah laku termasuklah keupayaan memimpin dalam mencapai objektif dan arah tuju sama ada institusi atau organisasi yang kecil sehinggalah yang berskala besar seperti sebuah kerajaan. Kepimpinan merupakan salah satu prinsip yang penting dan mendasari sesuatu pengurusan. Kepimpinan yang dibincangkan adalah untuk menjelaskan soal tanggapan pengurusan yang terdapat dalam sesebuah karya sastra. Kepimpinan merupakan satu daya pengamatan yang digunakan dalam mengamati pemikiran dan pengalaman pentadbir dalam sesebuah organisasi.

Ringkasnya, kajian ini akan memberi fokus terhadap prinsip kepimpinan berdasarkan dimensi pendidikan untuk memperlihatkan kecenderungan ciri-ciri kepimpinan dalam “Hikayat Awang Sulung Merah Muda” (HASMM).

Pendidikan Berdasarkan Pendekatan Pengurusan

Dalam merealisasikan kepimpinan, terdapat dimensi yang dijadikan kriteria untuk menjelaskan keberkesanan gaya kepimpinan tersebut. Oleh itu, kepimpinan dapat diteliti

berdasarkan Dimensi Pendidikan. Kejayaan dalam memacu dimensi ini akan dapat menyerlahkan gaya kepimpinan seseorang pemimpin yang menjadi sanjungan rakyat.

Justeru, perbincangan ini akan meneliti sebuah karya sastra rakyat iaitu “Hikayat Awang Sulung Merah Muda” (HASMM). Penelitian akan memberi fokus berdasarkan satu aspek penting dalam prinsip kepimpinan iaitu dimensi pendidikan. Mok Soon Sang (2008) merumuskan bahawa pendidikan ialah suatu proses atau aktiviti yang berusaha untuk memperkembangkan fizikal, intelek, sosial dan emosi seseorang individu serta menambahkan kemahiran, kebolehan, pengetahuan dan pengalaman supaya dapat memberi kegembiraan, faedah dan kemajuan dalam kehidupannya. Beliau menambah lagi, pendidikan seterusnya dapat membantu dan mendorongnya bertindak dengan cara yang lebih sihat bagi faedah diri sendiri serta masyarakat, bangsa dan negaranya. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007), pula memerihalkan pendidikan sebagai perihal atau perbuatan mendidik.

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sebuah pentadbiran yang mantap. Swift (1969) menghuraikan pandangan Plato yang mengatakan bahawa pendidikan ialah suatu proses untuk membentuk individu yang berakhlak mulia. Beliau menyokong pendapat Socrates bahawa tujuan pendidikan ialah memberi latihan moral kewarganegaraan yang baik. Menurut Aristotle pula, pendidikan ialah ilmu yang bersifat etikal dan politikal. Mengikut beliau, tujuan pendidikan ialah memberikan setiap warganegara peluang untuk mencapai kebahagiaan hidup. Hal ini sangat signifikan kerana pendidikan adalah medium terbaik untuk membentuk kemahiran dan membangunkan personaliti, ketrampilan, dan pemikiran yang optimis dalam memacu hala tuju kehidupan.

Pendidikan berhubung rapat dengan pengurusan dan merupakan asas penting kepada setiap individu. Atan Long (1976) pula memberi pandangan mengenai pendidikan yang telah dikemukakan oleh beberapa sarjana dan ilmuan Islam. Antaranya ialah Syed Muhammad

Qutb (1960) yang menyatakan bahawa pendidikan adalah proses membentuk manusia secara menyeluruh dan seimbang. Menurut beliau, tujuan utama pendidikan ialah untuk memperkembangkan potensi intelek, fizikal, emosi dan rohani manusia ke arah tahap kesempurnaan. Hal ini sangat signifikan kerana pendidikan merupakan medium dan platform terbaik dalam pembentukan dan perkembangan potensi individu dan menepati inti sari Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan generasi yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Pendidikan merupakan salah satu aset yang bermakna dalam pembentukan kepimpinan generasi muda sesebuah negara. Sharifah Alwiyah Alsagoff (1983) menghuraikan pendidikan sebagai satu proses atau aktiviti yang melibatkan persekolahan formal. Pendidikan juga sebagai proses latihan perkembangan fizikal, intelek, sosial dan emosi seseorang individu. Hal ini signifikan kerana pendidikan juga dilihat sebagai aktiviti yang bersepadu untuk mencapai matlamat seperti memperoleh kemahiran pengetahuan dan sikap secara integrasi seterusnya membentuk personaliti individu yang komprehensif.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pendidikan merupakan satu usaha yang rapi, terancang dan sistematik yang dibuat oleh seseorang pemimpin dalam sesuatu masyarakat untuk menyampaikan pengetahuan, nilai, sikap dan kemahiran kepada ahlinya. Pendidikan merupakan mekanisme terbaik untuk mengubah dan mentransformasikan sesebuah institusi, organisasi dan negara kepada tahap yang lebih cemerlang dari segi peningkatan ekonomi, budaya, politik, dan sosial. Dengan pendidikan yang sempurna dan komprehensif membolehkan pembentukan dan penyediaan generasi muda ke arah gaya kepimpinan yang lebih kompetitif dan dinamik.

Dimensi Pendidikan dalam HASMM ini dianalisis berdasarkan Prinsip Kepimpinan daripada tiga bahagian, iaitu; Pertama, apakah kesignifikanan usaha-usaha yang dijalankan oleh pemimpin untuk meningkatkan tahap

pendidikan dalam sesebuah pentadbiran? Kedua, bagaimanakah kepimpinan ini berjaya menjadikan pendidikan sebagai satu saluran dan medium alternatif untuk meningkatkan kemajuan sesebuah organisasi seperti keluarga, masyarakat, dan negara? Ketiga, sejauh manakah Dimensi Pendidikan berjaya membawa keberkesanan dan kemajuan dalam sesebuah organisasi iaitu keluarga, masyarakat, dan negara?

Dimensi Pendidikan dalam “Hikayat Awang Sulung Merah Muda”

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Melalui pendidikan, masyarakat berpeluang untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dalam keseluruhan bidang kehidupan mencakupi aspek keagamaan, adat istiadat, kebudayaan, kepercayaan, adat resam, falsafah pemikiran dan warisan seni dan tradisi dalam sesebuah masyarakat.

Dimensi pendidikan yang dikesan dalam “Hikayat Awang Sulung Merah Muda” melambangkan manifestasi kebijaksanaan pemikiran dan keintelektualan pengarang yang dipancarkan dalam masyarakat Melayu tradisi. Jelas daripada budaya pendidikan yang dikesan dalam karya ini memperlihatkan suatu modaliti insan yang berkait rapat dengan falsafah dan pemikiran Melayu yang berwawasan dan berpandangan jauh yang diekspresikan melalui karya tersebut. Konsep pendidikan dalam HASMM disesuaikan dengan masyarakat feudal pada zaman tradisional dan primitif yang menyentuh tentang adat resam, kepercayaan, pengajian ilmu keagamaan dan seni persilatan Melayu. Budaya pendidikan yang dikenal pasti ini telah dipraktis dan digarap dengan teliti dan mendalam dalam karya ini.

Penelitian dalam HASMM juga membuktikan bahawa semenjak zaman feudal lagi masyarakat amat menitikberatkan soal pendidikan sama ada pendidikan secara formal atau tidak formal terhadap anak-anak atau generasi muda khususnya dalam kalangan istana. Menurut Ramlah Adam (1991), pendidikan

formal adalah suatu sistem pendidikan yang didapati dengan cara mempelajari daripada guru dan kitab-kitab manakala pendidikan tidak formal ialah satu pemindahan budaya dan nilai-nilai masyarakatnya dan pengaruh luar masyarakat yang diperhati dan dijadikan panduan hidup demi memperbaiki kelemahan diri. HASMM merupakan sebuah cerita rakyat yang berjaya menggambarkan dan memaparkan betapa pentingnya pendidikan dalam aspek keagamaan yang meliputi pengajian Al-Quran, ilmu nahu dan mantik, ilmu persilatan dan kepahlawanan Melayu serta amalan mulia yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Paparan dalam teks ini menjelaskan tentang apresiasi pemikiran pengarang yang telah berjaya mengangkat dan memaparkan aspek pengurusan khususnya melalui Dimensi Pendidikan menerusi kepimpinan watak-watak yang berwibawa dan berintegriti yang ditimbulkan dan dilantunkan oleh pengarang dalam karya sastera tersebut.

Paparan pendidikan agama yang diterima oleh Awang Sulung Merah Muda dapat diperhatikan melalui petikan di bawah:

Maka adalah kepada suatu hari, maka bertitahlah Tuanku Batin Alam kepada isterinya. “Ya adinda, adapun kedua putera kita ini sudah besar, dan cukup berakal keduanya. Maka apalah ada hutang kepada kita, terlebih baiklah kita serahkan belajar mengaji Quran dan merawi, Awang Sulung Merah Muda dan Tuan Puteri Dayang Nuramah keduanya suruhkan belajar.” Adapun Awang Sulung Merah Muda dihantarkan ke rumah Tuan Kadi Alim. Maka bertitahlah Tuanku Batin Alam kepada Tuan Kadi Alim itu, “Beta ini datang berhajat kepada Tuan Kadi, beta minta ajarkan anakanda mengaji Quran dan merawi.”

(“Hikayat Awang Sulung Merah Muda”,
1998:17)

Petikan di atas memberi gambaran akan kesedaran terhadap pentingnya pendidikan agama dalam kehidupan seseorang lebih-lebih

lagi bagi seorang anak yang sedang membesar dan hendak memasuki alam remaja. Watak Tuanku Datuk Batin Alam yang merupakan ayahanda angkat telah menghantar Awang Sulung Merah Muda untuk mendapat pendidikan agama iaitu mengaji al-Quran dan merawi kepada Tuan Kadi Alim setelah berbincang dengan isteri baginda. Pengajian Al-Quran ini sangat signifikan dan relevan dalam usaha memperlengkapkan diri Awang Sulung Merah Muda dengan pengetahuan agama yang mencukupi dan kukuh supaya menjadi benteng yang teguh kepada baginda dalam usaha mentadbir negara kelak. Pendapat ini disokong oleh Zainal Kling (1980), yang menyatakan bahawa dalam masyarakat Melayu, ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk dan hubungan, inti sari nilai, sikap, dan pandangan. Islam menjadi jiwa dalam keseluruhan sosial dan budaya orang Melayu. Pandangan ini selari dengan T.A. Ridwan (2001:270), yang menyentuh nilai dalam kehidupan orang Melayu bersandarkan Islam memandangkan Islam ialah alternatif beragama bagi orang Melayu. Hal ini dapat diperhatikan apabila ayahanda angkat kepada Awang Sulung Merah Muda telah mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan awal pendidikan keagamaan kepada Awang Sulung Merah Muda sewaktu beliau muda belia lagi. Pembentukan akhlak yang mulia perlu disemai dan dibentuk sejak dari kecil lagi, bak kata pepatah Melayu, “*hendak melentur buluh, biarlah dari rebungunya*”. Pendapat ini disokong Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman (2011), yang memerihalkan kanak-kanak wajar mendapat didikan moral yang sempurna kerana kanak-kanak harus dijadikan insan yang mampu membentuk nilai-nilai murni yang mulia dalam diri mereka suatu masa nanti. Ini merupakan inisiatif dan persediaan awal yang dilakukan oleh seorang pemimpin untuk melahirkan generasi muda iaitu bakal pewaris takhta kerajaan dengan ilmu keagamaan yang mantap. Kesenambungannya, watak Awang Sulung Merah Muda merupakan simbolik yang mewakili generasi muda yang bakal menerajui kepemimpinan negara yang perlu diberi

perhatian dan didedahkan serta diangkat dengan ilmu keagamaan. Hal ini amat bersesuaian dan bertepatan dengan pepatah Melayu, “*Pemuda harapan bangsa, Pemuda tiang negara*”.

Kesedaran terhadap kepentingan pendidikan kepada anakandanya seperti yang diperlihatkan oleh Tuanku Datuk Batin Alam ini membuktikan sikap pemimpin yang tidak mengetepikan dan meminggirkan soal pendidikan agama dalam kehidupan terutamanya dalam kalangan golongan bangsawan atau istana. Tanggungjawab dan ketegasan Tuanku Datuk Batin Alam dalam memberi pendidikan agama kepada seorang putera raja adalah suatu usaha yang murni dalam membentuk kekuatan iman dan taqwa seseorang pemerintah semenjak kecil lagi. Pendapat ini disokong oleh Sarina Othman (1995), yang menjelaskan bahawa pendidikan agama yang disemai sejak zaman kanak-kanak mampu membentuk perkembangan diri remaja yang positif serta mempunyai nilai-nilai murni dalam jiwa mereka. Pendapat ini diperkukuhkan oleh Wan Abd Kadir (2000:13) yang memperkatakan bahawa nilai dalam kehidupan orang Melayu bersandarkan al-Quran dan Hadis. Ini jelas menerusi perbilangan adat yang berbunyi: *Adat bersendi hukum, hukum bersendi kitab Allah*. Kepentingan menuntut ilmu agama serta kebolehan membaca dan mempelajari kitab adalah satu tahap pendidikan tinggi yang memungkinkan seseorang itu layak menjadi pemimpin. Oleh itu, memang wajar seorang pewaris takhta kerajaan mempelajari tahap ilmu ini kerana dirinya adalah pemimpin tertinggi negara. Jika pemimpin tidak mendapat pendidikan yang tinggi, sudah tentu dirinya akan dipandang rendah oleh ahli masyarakat feudal dan dipertikaikan kepimpinannya. Ternyata, pancaran ilmu keagamaan ini menyerlahkan kredibiliti dan karisma seorang pentadbir dan pemimpin dalam menjadikan ilmu keagamaan sebagai inti pati penting dalam pengisian agenda pentadbiran.

Lanjutan aspek pendidikan yang diketengahkan pemimpin menerusi analisis karya ini amat relevan dan signifikan untuk memperjelas tentang Prinsip Kepimpinan

melalui dimensi pendidikan yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Pengurusan kepimpinan yang bijak dan mempunyai hala tuju serta berpandangan jauh sudah semestinya tidak akan meminggirkan aspek pendidikan yang menjadi tonggak kekuatan sesebuah ketamadunan. Hal ini kerana pendidikan merupakan elemen penting yang menjadi pelengkap dan pemangkin sesebuah pentadbiran demi kelangsungan apresiasi sesebuah bangsa dan negara. Ternyata, pendekatan pengurusan yang diketengahkan ini memperlihatkan kedinamikan dan kerelevanan aspek kepimpinan yang diperlihatkan oleh pemimpin Melayu merupakan indikator penting dalam merealisasikan agenda pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara. Tuntasnya, kredibiliti dan karisma pemimpin dan kepimpinan yang digarap dalam teks “*Hikayat Awang Sulung Merah Muda*” ini amat bertepatan dan bersesuaian dalam hala tuju pengurusan pentadbiran khususnya dalam memberi penekanan dalam pendidikan yang merupakan khazanah penting dalam mengangkat keagungan warisan tradisi Melayu.

Selain itu, paparan tentang kesedaran kepentingan pendidikan yang diperlihatkan oleh Tuanku Datuk Batin Alam bukan sahaja mendedahkan Awang Sulung Merah Muda dengan pendidikan mengaji al-Quran dan Merawi semata-mata malah baginda turut menekankan pendidikan tentang ilmu nahu dan mantik.

Maka Tuan Kadi pun makan sirih, lalulah berkata Tuan Kadi kepada Tuan Malim, “Sebesar-besarnya hajat hamba datang ke mari ini, hamba dititahkan Tuanku Batin Alam ia minta ajarkan puteranya ini Awang Sulung Merah Muda mengaji kitab nahu dan mantik.”

(“*Hikayat Awang Sulung Merah Muda*”, 1998:19)

Meneliti petikan di atas, selain penekanan dalam aspek mengaji dan merawi, Tuanku Datuk Batin Alam juga meneruskan tradisi mendalami ilmu Islam dengan menekankan aspek pengajian

nahu dan mantik. Mantik merupakan satu ilmu logik yang perlu menggunakan akal bagi membuat satu natijah atau keputusan dalam sesuatu permasalahan. Selain itu, ilmu tersebut juga dijadikan dalil untuk berhujah yang dikenali sebagai dalil Aqli iaitu yang melibatkan psikologi dan persekitaran seseorang individu itu untuk berfikir secara rasional dan profesional. Menurut Michelle, Thomas & Sinyangwe (1989), pegangan agama yang sempurna boleh menjadi pegangan moral yang baik dalam diri remaja dan seterusnya memberi arah kepada mereka untuk berfikir dengan bijak sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral. Maka, jelaslah di sini bahawa Mantik adalah satu ilmu yang bermanfaat yang boleh membezakan antara yang baik dan yang buruk. Tanggungjawab yang dipikul jelas menunjukkan bahawa sikap yang dipamerkan oleh Datuk Batin Alam merupakan usaha-usaha murni dan terancang yang diambil oleh seorang pemimpin untuk menyediakan dan melahirkan pelapis pemimpin yang mempunyai integriti dan kekuatan rohani dan spiritual yang mantap terutamanya berkaitan aspek agama yang lebih spesifik dan mendalam iaitu pengetahuan tentang ilmu nahu dan mantik. Ilmu pengetahuan ini merupakan satu medium dan platform terbaik untuk membentuk dan melahirkan seorang pemimpin yang berjiwa Islam dan seterusnya mampu membuat keputusan yang adil, saksama dan bijak dalam sesuatu pentadbiran.

Kesinambungannya, hal ini sangat bertepatan kerana pengajian ilmu mantik amat penting dan relevan untuk melahirkan seorang pemimpin yang mengetahui peraturan/kaedah-kaedah untuk memandu serta mengawal akal fikiran manusia daripada tersalah dan terpesong semasa berfikir dalam membuat sesuatu keputusan dan tindakan. Pendidikan dan pengetahuan tentang ilmu mantik dan nahu merupakan asas yang penting bagi seorang pemimpin untuk membuat keputusan yang adil dan saksama agar diri dihormati dan dipandang tinggi dalam masyarakat. Pendidikan agama yang perlu ada pada seseorang pemimpin dapat membentuk suatu semangat spiritual yang kuat dan ampuh dalam memelihara kesejahteraan

dan keharmonian rakyat selain meningkatkan kualiti kehidupan beragama yang seharusnya menjadi amalan dan pegangan seseorang individu khususnya pentadbir. Pendapat ini disokong Fauziah Ibrahim (2009) yang menjelaskan kekuatan dan kelemahan sesuatu bangsa dan negara amat bergantung kepada golongan muda yang merupakan tonggak dan pewaris kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan negara. Golongan muda yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri amat diperlukan untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan pengukuhan ekonomi serta masa depan pembangunan negara. Pembangunan yang lengkap dalam segala aspek sama ada jasmani mahupun rohani akan membawa kepada kehidupan yang sejahtera bagi seluruh rakyatnya (Maimunah Ismail, 1999; Che Bakar Che Mat, 2007; Said, 2013)

Ringkasnya, hal-hal berkaitan aspek pendidikan yang diperjelaskan amat bersesuaian dan bertepatan dengan Prinsip Kepimpinan yang diketengahkan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) di bawah Pendekatan Pengurusan. Berdasarkan pendekatan pengurusan tersebut, jelas memperlihatkan bahawa pemimpin iaitu ketua rumah tangga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan dan pembinaan moral yang baik dalam diri kanak-kanak dan pendidikan ini mampu dibentuk melalui didikan dan asuhan moral yang betul melalui aspek pengurusan yang berkesan. Justeru, agama memainkan peranan yang sangat penting dan dominan sebagai panduan kehidupan manusia. Bagi merealisasikan generasi muda yang memiliki keperibadian yang cemerlang dari segi sahsiah dan akhlak mereka, peranan dan tanggungjawab yang diambil oleh watak pemimpin melambangkan simbolisme dan pemikiran terkehadapan dan berwawasan pentadbir. Tanggungjawab ini sebagai usaha merealisasikan dan memastikan bakal pewaris takhta kerajaan tersebut berada pada landasan yang betul untuk menerajui tampuk kepimpinan negara. Oleh itu, ibu bapa selaku pemegang amanah merupakan individu yang berkewajipan melaksanakan amanah dan

tanggungjawab untuk memperkukuh pendidikan agama dan seterusnya memastikan mereka mempraktikkan ajaran agama yang diajari dalam kehidupan seharian. Melalui pendekatan ini, pengetahuan dan amalan agama yang sempurna juga mampu menjadikan pemimpin lebih ideal dan rasional dalam menangani cabaran hidup dan seterusnya memaksimumkan segala potensi yang ada pada mereka untuk kemajuan diri, pembangunan agama, bangsa dan juga negara lantas membawa kesejahteraan dan kemakmuran dalam masyarakat.

Dimensi Pendidikan dalam HASMM bukan hanya memberi fokus dalam aspek pendidikan keagamaan sahaja malah Tuanku Datuk Batin Alam turut memberikan penekanan dalam ilmu seni mempertahankan diri, iaitu persilatan Melayu. Ilmu persilatan Melayu amat ditekankan terutamanya dalam masyarakat Melayu tradisi ke arah melahirkan masyarakat yang cergas, cerdas dan mempunyai ketahanan diri yang mantap. Tanggungjawab menyediakan Awang Sulung Merah Muda dengan ilmu mempertahankan diri amat penting terutamanya bagi seorang putera raja yang akan mengetuai dan menerajui tampuk pemerintahan. Sebagai seorang putera raja yang akan mewarisi kepimpinan negara, kegagahan, keberanian, kekuatan fizikal dan mental merupakan aset yang penting bagi seorang pemimpin dalam menerajui dan memacu hala tuju sesebuah tampuk kepimpinan.

Paparan peristiwa dapat diperhatikan seperti dalam petikan berikut:

Maka pada suatu hari bertitahlah Tuanku Datuk Batin Alam kepada Awang Sulung Merah Muda, “Hai anakku, sekarang sudahlah dapat mengaji kitab dan merawi tinggallah lagi pencak dengan silat, apung dengan kebal, tiadalah payah belajar kepada orang, ayahanda boleh mengajari.”

(“Hikayat Awang Sulung Merah Muda”, 1998:21)

Ilmu persilatan Melayu yang dipaparkan dalam HASMM ini memperlihatkan tentang

tradisi ilmu yang diwarisi sejak zaman berzaman, bersesuaian dan menepati pepatah Melayu, *tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan*. Ilmu persilatan dan kepahlawan yang ditimbulkan oleh pengarang sebagai suatu apresiasi dalam memelihara dan mengangkat martabat warisan seni tradisi keunggulan dan keagungan Melayu. Menerusi ilmu persilatan ini akan melahirkan seorang pendekar dan pahlawan iaitu insan yang berilmu, beramal dan berkemahiran dalam ilmu persilatan pada zahir dan batin berteraskan adat seni budaya Melayu. Lantas, ilmu yang ditekuni akan dapat diaplikasi di tempat yang betul demi menegakkan kebenaran. Rasionalnya, ilmu persilatan ini juga dapat melahirkan seorang pemimpin yang berketerampilan berlandaskan semangat kesatria yang luhur. Ilmu kebal atau tidak lut senjata dan apung turut diajar kepada Awang Sulung bagi mencerminkan kelebihan dan keistimewaan seorang putera raja dibandingkan dengan rakyat biasa. Secara prinsipnya, kekebalan dan keluarbiasaan yang dimiliki seorang putera raja akan menempatkannya dan memartabatkan pada tahap yang tinggi. Daya usaha yang diperlihatkan oleh Tuanku Datuk Batin Alam dalam mendedahkan dan menurunkan ilmu mempertahankan diri amat sesuai dan bertepatan dalam usaha untuk melahirkan seorang putera raja yang cergas, cerdas dan mempunyai ketahanan diri yang utuh, mantap dan senada dengan zaman tersebut apatah lagi baginda seorang pewaris takhta kerajaan suatu hari nanti. Kepentingan menuntut ilmu kepahlawanan sebagaimana ilmu persilatan yang telah diperturunkan oleh ayahandanya membuktikan bahawa legasi persilatan Melayu merupakan jati diri bangsa yang harus dipertahankan dan wajar diwarisi oleh generasi muda. Pada zaman berkenaan, ilmu kepahlawanan adalah sesuatu yang penting kerana ia adalah salah satu cara mempertahankan diri dan negara daripada serangan musuh. Pembelajaran ilmu tersebut mampu menjadikan masyarakat pada zaman tersebut hidup aman damai dan bersedia untuk menghadapi tentangan dan cabaran daripada pihak musuh.

Hakikatnya, jelas membuktikan bahawa Prinsip Kepimpinan yang terdapat di bawah Pendekatan Pengurusan Mohamad Mokhtar

Abu Hassan (2013) sesuai dikaitkan dengan tanggungjawab dan peranan pemimpin yang mewariskan seni pertahanan dan kepahlawanan Melayu kepada generasi muda. Ringkasnya, ilmu persilatan dan kepahlawanan Melayu itu adalah warisan bangsa yang telah diwarisi dan diperturunkan sejak turun-temurun daripada generasi ke generasi. Maka adalah wajar sekiranya ilmu persilatan ini diberi tempat dan kedudukan yang tertinggi dalam kalangan masyarakat. Memartabatkan khazanah seni warisan Melayu dahulu adalah satu sikap yang mulia dan terpuji sebagai sokongan dan menghargai seni warisan tradisi Melayu yang tiada tolok bandingnya sebagaimana yang diungkapkan dalam HASMM ini. Sememangnya benar dan terbukti ilmu persilatan itu adalah berasal daripada bangsa Melayu yang gagah berani yang diwariskan zaman berzaman. Melalui pendekatan ini, membuktikan bahawa ilmu persilatan ini dapat melatih, membentuk dan mempertingkatkan martabat diri dan pemikiran sihat dan positif seseorang pentadbir dan pemimpin. Secara tidak langsung, paparan ilmu persilatan ini melambangkan keintelektualan dan kecediakawan pemikiran Melayu dan merupakan aset bangsa Melayu yang dapat memberi sumbangan kepada tamadun dunia lantas membentuk satu acuan dan jati diri kepimpinan yang berteraskan akar dan budaya bangsa Melayu. Paparan ini secara langsung mengangkat satu lagi aspek pemikiran pengurusan dalam karya sastra tradisional.

Berdasarkan HASMM, proses pendidikan juga boleh diperoleh melalui pendidikan tidak formal seperti pengalaman hidup, pemerhatian, pengamatan dan sikap suka bertanya berdasarkan pengalaman hasil didikan daripada keluarga. Pendidikan tidak formal inilah yang membentuk peribadi yang mulia dan kebijaksanaan seseorang sehingga pandai membawa diri. Bak kata pepatah Melayu, *Malu bertanya sesat jalan*. Justeru, apabila seseorang pandai membawa diri, maka sikap tidak segan bertanya dan berkeinginan untuk mendapatkan pengetahuan dan ilmu sentiasa menjadi amalan. Segala tindak tanduknya akan memperlihatkan

tindak-tanduk yang berpandukan sikap orang yang berakal dan berilmu pengetahuan.

Sikap terpuji dan merendah diri Awang Sulung Merah Muda dalam menuntut dan mendapatkan ilmu dapat diperhatikan dalam petikan di bawah:

Maka berkatalah Awang Sulung, “Sekarang anakanda hendak bertanya. Anakanda tiada tahu akan adat, anakanda baru:

Umur setahun jagung,
Darah setampuk pinang,
Besar di bawah pisang goyangan,
Besar di bawah tebu berlengkar.

Sebab itulah anakanda hendak bertanya darihal orang belayar. Jikalau datang angin dari selatan, bagaimana sentak layarnya? Jikalau datang angin dari utara, bagaimana sentak layarnya? Jikalau menempuh negeri orang, bagaimana adatnya?” Lalu dijawab emak bongsunya, “Hai anakku, jikalau engkau belayar; datang angin dari barat, sentak layar sebelah selatan. Begitulah anakku buat, pendapat bonda.”

(“Hikayat Awang Sulung Merah Muda”,
1998:39)

Berdasarkan petikan tersebut, didapati Awang Sulung Merah Muda memiliki ciri-ciri generasi yang berakhlak mulia dan berhemah tinggi serta merendah diri. Penggunaan ungkapan *setahun jagung* dan *setampuk pinang* dalam puisi berirama tersebut memberikan cerminan akan kerendahan hati yang dimiliki Awang Sulung Merah Muda walaupun baginda seorang putera raja ketika bercakap dengan bondanya. Hal ini diakui oleh Amat Juhari Moain (2001: 286), setiap kata ada nilainya. Sehubungan itu, penggunaan bahasa perlu disesuaikan dengan keadaan, suasana serta golongan, dan peringkat yang berbeza. Pandangan ini disokong oleh Kramsch (1998: 26), seseorang perlu memahami sebab ia berkata-kata, apa yang dikatakan, bagaimana mengatakannya, kepada siapa ia berkata dan semua ini bergantung kepada konteks pertuturan tersebut. Awang

Sulung juga meletakkan dirinya persis tidak berkeupayaan kerana masih dalam jagaan orang tuanya berdasarkan baris bahasa berirama *Besar di bawah pisang goyangan* dan *Besar di bawah tebu berlengkar*. Justeru, baginda memerlukan pandangan serta nasihat daripada bondanya untuk mendapatkan ilmu tentang pelayaran. Bonda bongsunya memberikan ilmu tentang pelayaran kepada Awang Sulung agar baginda pandai membawa diri dan memanfaatkan ilmu tersebut suatu hari nanti. Pendidikan tidak formal bukan sahaja dapat meningkatkan ilmu pengetahuan malahan termasuklah membina peribadi yang mulia dan merupakan suatu proses generasi muda untuk menjalani kehidupan dan memenuhi tujuan hidupnya secara lebih efektif dan efisien. Lantaran itu, masyarakat yang berakhlak mulia dan dipandang tinggi oleh anggota masyarakatnya melalui sifat yang mulia dapat diperlihatkan dalam hikayat ini.

Berpandu dan berteraskan Prinsip Kepimpinan ini, adalah relevan dan signifikan untuk menjadikan orang lama atau orang tua sebagai pemimpin yang wajar diteladani. Mendengar dan mengikut nasihat daripada orang yang lebih tua dan berpengalaman seperti yang terdapat dalam HASMM merupakan satu nilai moral dan teladan yang seharusnya dicontohi. Golongan tua dan berpengalaman adalah ahli masyarakat yang mampu mengajar dan memberi petunjuk yang berkesan dan berguna kepada anggota masyarakatnya kerana mereka bertindak sebagai pemimpin tidak rasmi dalam anggota masyarakatnya. Ahli masyarakat yang terkemudian wajar akur dan mengambil perhatian tentang pengalaman pemimpin terdahulu kerana mereka *terlebih dahulu makan garam* atau dengan kata lain mereka telah melalui banyak pengalaman suka, duka, pahit maung dalam kehidupan. Pendidikan daripada nasihat orang tua sangat penting supaya mendapat panduan dan keberkatan hidup. Paparan peristiwa ini menjelaskan bahawa setiap manusia mempunyai kelebihan dan kekurangan. Kita perlu sedar bahawa diri manusia tidak lengkap dan menguasai segala ilmu. Tidak dinafikan bahawa Awang Sulung Merah Muda mempunyai kehebatan dan

kesaktian namun kekurangan dari aspek ilmu pelayaran dan kemasyarakatan. Dalam hal ini, pengarang berjaya melantunkan satu aspek pendidikan yang amat relevan dan dinamik dengan suasana dan latar masyarakat ketika itu lantas pembicaraan ini melantunkan satu aspek kepimpinan berkesan khususnya Dimensi Pendidikan dalam hikayat ini.

Ringkasnya, unsur-unsur pengurusan dalam sesebuah karya sastera khususnya cerita lipur lara ditonjolkan dan ditimbulkan oleh seseorang pengarang kerana aspek tersebut tidak wujud secara sengaja dan ternyata mempunyai keunikan dan nilai komersialitinya. Pelbagai pertimbangan yang rasional dan kritis telah dirangkum dan digarap oleh pengarang demi menghasilkan karya sastera yang ampuh, bermutu tinggi dan mempunyai nilai pengurusannya. Hal ini sangat signifikan kerana aspek pengurusan dalam sesebuah karya sastera perlu dilihat dan diteliti dalam segala aspek seperti bentuk, gaya bahasa, puisi, pemilihan kata, latar, nilai, isu dan persoalan yang dirujuk kepada teks yang menjadi fokus kajian. Ini bermakna unsur atau bahagian lain dalam teks sastera membantu menjelaskan makna atau pemikiran pengarang dalam sesebuah karya sastera lantas dapat memberikan impak yang berkesan terhadap pembangunan dan pembinaan masyarakat pendukungnya. Pemikiran pengurusan yang ditanggapi dalam cerita lipur lara ini jelas dan terbukti bahawa kebijaksanaan dan pemikiran kritis pengarang merupakan manifestasi keintelektualan pemikiran masyarakat Melayu tradisi yang merentasi zaman dan peradaban.

Rumusan

Dalam konteks membangun dan mengembangkan masyarakat tradisi yang dilingkungi adat dan kepercayaan, maka perlunya penekanan dalam aspek pendidikan. Lantaran itu, pendidikan formal dan pendidikan tidak formal, iaitu kombinasi pendidikan keagamaan, nahu mantik, dan seni mempertahankan diri serta amalan mulia dalam kalangan masyarakat dalam HASMM amat signifikan khususnya kepada raja muda, iaitu mewakili generasi muda yang bakal

menjadi penerus perlengkapan ikhtiar hidup bangsa dan bakal menerajui tampuk kepimpinan negara. Pendidikan merupakan dimensi yang penting dalam membentuk keperibadian dan jati diri seseorang individu khususnya pemimpin dalam menerajui sesebuah tampuk pemerintahan seterusnya menyumbang dalam pembentukan sebuah masyarakat madani yang berintelektual.

Pendidikan merupakan dimensi yang sangat relevan dan signifikan kerana ilmu pengetahuan yang dimiliki seseorang akan menjadi *platform* dan salah satu indikator yang membezakannya dengan orang lain. Bahkan dengan ilmu pengetahuan itulah seseorang mencapai posisi atau kedudukan yang tinggi dan mulia dalam sesebuah masyarakat. Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa peranan pentadbir dan pemimpin yang menjadikan pendidikan sebagai satu agenda penting dalam pentadbiran mampu membentuk, mencorak dan melahirkan insan dan generasi yang mempunyai keseimbangan dan kesepaduan dari segi rohani, emosi, intelek dan jasmani sekali gus dapat membangun dan memajukan sesebuah ketamadunan masyarakat. Pembangunan spiritual dan mental masyarakat melalui pendidikan yang diteliti dan dikesan melalui amalan, dan perubahan tingkah laku yang dialami oleh masyarakat dalam HASMM terbitnya daripada kesedaran dan kesungguhan pemimpin mewariskan dan menyokong tradisi menuntut ilmu dalam kalangan masyarakatnya. Impaknya, melalui analisis karya tradisional ini pengarang telah berjaya mendampakkan satu aspek pemikiran pengurusan kepimpinan yang diekspresikan melalui kebijaksanaan dan keintelektualan pemikiran pemimpin Melayu tradisi merupakan kekuatan yang diketengahkan dan dilantunkan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) menerusi Prinsip kepimpinan di bawah Pendekatan Pengurusan.

Rujukan

- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman. (2001). *Sastera Melayu Suatu Pengantar Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Atan Long. (1976). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Certo, S. C. (1997). *Modern Management: Diversity, Quality, Ethics, and the Global Environment*. New Jersey, Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Che Bakar Che Mat, Abd Shukor Md Ali, Wan Kamariah Leman, Norlela Kamaluddin, Sharifah Anom Omar, Salmah Hussin, dan Wan Ariffin Wan Yon. (2007). *Pembangunan dari Perspektif Islam*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- deCasparis, J.G. (1975). *Indonesian Paleography: A History of Writing Indonesian from the Beginning to c. A.D. 1500*. United Kingdom: Amazon Company.
- Fauziah Ibrahim. (2009). Dadah dan Pembangunan Belia: Antara Cabaran dan Peranan. Nobaya Ahmad dan Haslinda Abdullah (eds.). *Belia dan Pembangunan Modal Insan*. Serdang, Selangor: Penerbit UPM.
- Hollander, E. P. & Offermann, L. R. (Feb 1990). Power and Leadership in Organizations: Relationships in Transition. *American Psychologist*, 45(2): 179-189.
- Ismail Hamid. (1983). *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar Muhamad. (1999). *Asas Pengurusan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Kamus Dewan*. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kramsch, C. (1998): *Language and Culture*. Oxford: Oxford University Press.
- Koontz, H. & Weihrich, H. (1987). *Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Maimunah Ismail. (1999). *Pengembangan Implikasi ke Atas Pembangunan Masyarakat*. (2 ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mescon, M. A. & Khedouri, F. (1985). *Management: Individual and Organizational Effectiveness*. New York: Harper and Row.
- Michelle, C., Thomas, R.M. & Sinyangwe, I.M. (1989). *Adolescent Conceptions of Moral: Haiti The United States, & Zambia*. Youth & Society, 21 (2).
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2013). *Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastera*. Himpunan Ilmuwan Sastera Melayu Malaysia Kedua Universiti Perguruan Sultan Idris, 4-5 Oktober, 2013.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2014). "Prinsip Perancangan: Penelitian Berdasarkan Cerita-cerita Rakyat". Dlm. prosiding International Conference in Commemoration of the 50th Anniversary of the Department of Malay-Indonesian Studies, Hankuk University of Foreign Studies, Seoul, Korea, 14th -16th May, 2014.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2014). "Prinsip Kepimpinan: Analisis Berdasarkan Hikayat Awang Sulung Merah Muda". Dlm. prosiding 3rd International Language Conference (IIC), Centre For Languages And Pre-University Academic Development (Celpad), International Islamic University Malaysia (IIUM), 4th -6th Jun, 2014.
- Mok Soon Sang. (2008). *Psikologi Pendidikan dan Pedagogi: Murid dan Alam Belajar*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Pawang Ana & Raja Haji Yahya. (1998). *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ramlah Adam. (1991). *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Said, N. M. (2013). Dakwah dan Problematika Umat Islam. *Jurnal Dakwah Tabligh*. ISSN 1412-7271 Edisi XXVII/Juni 2013, hal. 1-22.
- Sarina Othman. (1995). *Menangani Masalah Bohsia, Moral dan Pendidikan*. 7. ms. 48-50.
- Smith, E. J. (2006). The strength-based Counseling Model. *Counseling Psychologist*, 34(1): 13-79.
- Syarifah Alwiah Alsagoff. (1993). *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Shaharir Mohamad Zain. (2010). *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Sugiarto. (1993). *Kamus Indonesia-Daerah*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Syed Othman Alhabshi. (1989). *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*. Petaling Jaya: Penerbit Hizbi.
- T. A. Ridwan. (2001). "Bahasa Melayu: Peranan dan Nilai-nilai Moralisme di dalamnya". Dalam Yaacob Harun, *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Tenas Effendy. (2000). *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tryson, D. T. (ed.). (1994). *Comparative Austronesian Dictionary*. New York: Mouton de Gruyter.
- Wan Abdul Kadir. (1998). "Tradisi Budaya Melayu Berteraskan Islam". *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 8:82-97.
- Zainal Kling. (1980). "Sistem Nilai Tradisi Melayu". Kertas Kerja dalam Seminar Nilai dan Norma Masyarakat Melayu. Kota Kinabalu, 10-11 Mac 1980.
- Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad & Nuwairi Khaza'i. (2012). Pantun dan Ungkapan Melayu sebagai Wahana Kepemimpinan Melayu ke Arah Pembangunan Modal Insan. *Jurnal Melayu Edisi 9*. PPBKKM.